

# Sisa besi ancam Olak Lempit

Penduduk dakwa pembuangan sisa itu jejas kesihatan orang ramai

**OLAK LEMPIT** - Kerja pembuangan sisa besi dari sebuah kilang berhampiran Jalan Abdul Wahab, Kampung Olak Lempit di sini mengundang dua isu yang membangkitkan kebimbangan dan kekesalan penduduk sejak ia mula dilakukan lebih tiga tahun lalu.

Isu yang telah lama dihadapi penduduk ber-

hubung masalah habuk dan debu berterbangan di sini menyebabkan mereka diancam rasa tidak selesa. Selain itu penduduk juga menghadapi satu lagi masalah baru apabila mendapati kampung mereka diancam banjir rentetan daripada kerja membuang sisa besi tidak jauh dari kawasan penempatan mereka.

## Penduduk tidak selesa

Sudah beberapa tahun penduduk di sini berhadapan dengan masalah habuk dan debu berikutan kerja pembuangan serta pelepasan sisa besi di tapak sebuah kilang tidak jauh dari perkampungan mereka.

Masalah ini berlarutan kerana tiada pihak bertanggungjawab cuba mengekang aktiviti tersebut walaupun berulang kali perkara berkenaan diadukan kepada pihak berkuasa.

Tapak pembuangan sisa besi itu berada di seberang Sungai Lempit yang menja-

di penghubung sebelum air dari parit dan longkang kawasan sekitar dialirkan ke Sungai Langat.

Salah seorang penduduk yang ditemui, S Arumugam, 41, berkata dia yang tinggal kira-kira 50 meter dari tapak pembuangan sisa itu sudah lama bersabar menghadapi masalah tersebut.

"Rumah saya sering kali dipenuhi habuk walaupun baru sahaja dibersihkan. Selain itu perniagaan kedai makan yang diusahakan juga sering kali berhadapan masalah kebersihan berikutan masalah

habuk yang berterbangan daripada aktiviti pembuangan tahi besi itu," katanya.

Menurutnya, masalah habuk dan debu yang berterbangan itu juga menjejaskan tumbuh-tumbuhan di mana tanaman kelapa sawit yang diusahakan turut terjejas akibat habuk dan debu besi.

"Sampai bila agaknya kami terpaksa menghadapi masalah ini. Sudah tiba masanya pihak berkenaan bertindak dan pihak kilang bertanggungjawab juga perlu tampil membetulkan keadaan yang telah lama dihadapi ini," katanya.



■ Lori mengangkut sisa besi dalam perjalanan ke tapak pembuangan sisa.

## JPS sudah dimaklumkan

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Olak Lempit, Selamat Ahmad Judi@Saleh berkata, pihaknya telah membawa perkara tersebut ke pengetahuan JPS sejak mereka mendapati jambatan tersebut mula dibina.

"Saya difahamkan, JPS telah pun menghantar surat kepada pihak pengurusan kilang terbabit. Bagaimanapun setakat ini masih belum ada sebarang jawapan daripada mereka," katanya.

Selamat berkata, jambatan yang dibina itu pasti akan mengundang risiko banjir kerana tebing sungai semakin cetek dan tidak mampu menampung air dari kawasan sekitar.

"Kehadiran rod besi jambatan buatan itu

akan menyebabkan sampah sarap tersangkut seterusnya menyebabkan air sungai tiak dapat mengalir ke Sungai Langat yang lebih besar.

"Selain itu tahi besi yang dibuang didakwa berada di dalam kawasan rizab sungai yang mengundang kepada risiko tebing sungai runtuh, selain sisa buangan yang masuk ke dalam sungai sehingga menjadikan sungai ini semakin cetek," katanya.

Beliau berkata, semua pihak perlu bertanggungjawab khususnya dalam menjalankan sesuatu aktiviti di kawasan penduduk dan meminta kebenaran terlebih dahulu daripada pihak bertanggungjawab agar mematuhi peraturan serta piawaian yang diperlukan," katanya



■ Tebing anak sungai di kawasan ini didakwa roboh akibat kerja membuang tahi besi.

## Pengusaha kilang bina laluan alternatif

Disebabkan aduan demi aduan yang dilakukan penduduk yang tidak mahu lori mengangkut sisa besi dari kilang berhampiran melalui kawasan perkampungan mereka, pengusaha kilang dikatakan cuba membina laluan alternatif bagi memudahkan kerja keluar masuk ke kawasan pembuangan sisa besi di sini.

Bagaimana pun untuk tiba ke kawasan tersebut, mereka perlu menyeberangi anak sungai Lempit.

Asmadi Asral, 32, berkata, pihak pengurusan kilang membina sebuah jambatan menggunakan beberapa batang rod aluminium bagi membolehkan lori mereka menyeberangi sungai tersebut.

"Kami tidak pasti sama ada kerja pembinaan jambatan alternatif ini mendapat persetujuan

an pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau sebaliknya.

"Namun apa yang menimbulkan kemusykilan, jambatan yang sedang dalam proses pembinaan itu bagai tidak memenuhi kriteria dan keselamatan kerana rod aluminium itu hanya diletakkan melintang dalam sungai berkenaan," katanya.

Difahamkan, setiap hari terdapat sekurang-kurangnya lima puluh trip lori pengangkut sisa besi akan membuang sisa ke tapak berkenaan.

"Pihak berkenaan diharap dapat menyiasat dan memastikan taraf keselamatan jambatan tersebut kerana dikhuatiri kewujudan jambatan itu bakal menyumbang kepada risiko banjir di sini," katanya.



■ Usaha membina jambatan untuk laluan lori mengangkut kebimbangan penduduk terhadap risiko banjir apabila rod besi didapati melintang di sungai tersebut.